

**S**aranan tokoh sejarah, Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim agar golongan pendidik khususnya yang mengajar mata pelajaran Sejarah memahami mata pelajaran itu secara mendalam terutama dalam bab perlengkapan serta perundangan negara wajar diberi perhatian.

Menurutnya, golongan itu diapati masih 'kabur' dalam memberi penjelasan berkaitan sejarah meliputi asas-asas pembentukan negara di mana sejarah mesti dijelaskan guru yang ahli sejarah.

Sekarang ini banyak guru tidak ahli sejarah. Mereka sekadar mengajar sejarah untuk membolehkan pelajar lulus peperiksaan.

Prof Khoo mahu, sejarah bukan diajar untuk peperiksaan semata-mata tetapi membantu memahami banyak perkara seperti soal negara. Sejarah Malaysia misalnya, amat rumit dan ia perlu difahami dengan mendalam.

Walaupun mungkin ada golongan pendidik yang kurang bersetuju dengan pandangan ini, hakikatnya kepentingan mata pelajaran sejarah untuk masa depan negara tetap tidak boleh dinafikan.

Sebagaimana pihak perlu sedar bahawa setiap kejayaan dan apa yang kita ada dan nikmati hari ini adalah hasil daripada sejarah lampau. Mereka meletak batu asas dan melakar laluan yang baik untuk generasi hari ini.

Sejarah negara ini cukup unik. Kita memperoleh kemerdekaan dengan gaya kita tersendiri hasil muafakat nenek moyang kita dari pelbagai kaum yang sanggup bertolak ansur dan berkorban hak keistimewaan masing-masing demi kepentingan negara dan perpaduan nasional.

### Tiga prinsip utama

Perlengkapan, Rukun Negara dan kontrak sosial adalah tiga prinsip utama yang menjadi inti pati dan resipi kejayaan kita sejak lama ini.

Kita mencapai kemerdekaan, hidup bersatu, aman dan damai, seterusnya melakar pelbagai kejayaan yang membanggakan di persada dunia sebagai negara membangun pelbagai kaum yang paling berjaya kerana selama ini kita berpegang kukuh kepada tiga prinsip utama itu.

Namun, berapa ramai generasi pascamerdeka yang tahu dan mendalam tiga tonggak utama negara itu?

Tidak keterlaluan kita rumus-

# Perkasa subjek Sejarah



**"Subjek Sejarah  
hari ini diajar  
lebih untuk lulus  
peperiksaan tanpa  
ada penghayatan  
sepenuhnya"**

Dr Khoo Kay Kim

kan masih ramai anak muda generasi hari ini tidak tahu atau tidak mahu mengambil tahu ketiga-tiga rukun hidup masyarakat majmuk kita tersebut.

Bagi mereka itu sejarah lama negara ini yang tidak perlu dipedulikan lagi dan tidak menarikkan apa-apa manfaat kepada mereka.

Akibatnya, mereka tidak hormati bendera kita, lagu kebangsaan kita, perasaan, amalan, kebudayaan dan kepercayaan kaum lain yang ada di sekeliling mereka.

Di mana silapnya? Apa punca kepada kejadian seumpama ini?

Tidak lain dan tidak bukan ia berpunca daripada kegagalan kita untuk menerapkan semangat nasionalisme dan kekitanan yang ampuh ke dalam jiwa dan raga anak-anak muda generasi hari ini.

Elemen ini yang sepatutnya diterapkan melalui pengajaran mata pelajaran sejarah dilihat belum berlaku ataupun memberikan impak yang diharapkan.

Mungkin di sini ada kebenaran dengan apa yang dikatakan oleh Prof Khoo iaitu mata pelajaran Sejarah pada hari ini diajar lebih kepada untuk tujuan lulus peperiksaan dengan menghafal tarikh dan peristiwa penting yang berlaku saja tanpa ada penghayatan sepenuhnya.

Ini menyebabkan anak-anak kita tidak memahami aspirasi, semangat dan roh di sebalik pembentukan perlengkapan,

kontrak sosial serta rukun negara yang sepatutnya menjadi tiang seri dan pegangan mereka sebagai panduan hidup.

Dalam hal ini peranan golongan pendidik dilihat amat signifikan. Hanya mereka boleh memperkasakan mata pelajaran ini melalui kaedah pengajaran yang lebih kreatif dan menarik.

### Tidak minat fakta

Hal ini kerana kita perlu terima kenyataan bahawa anak muda sekarang tidak begitu berminat untuk belajar fakta berbanding mata pelajaran lain seperti Sains, Matematik atau Teknologi Maklumat (IT).

Justeru, pendidik bukan saja perlu mendalami dan menghayati sejarah negara tetapi juga perlu memikirkan kaedah pengajaran yang lebih menarik agar dapat menarik minat anak-anak kita untuk mendalaminya mata pelajaran ini.

Maka, kita berharap agar teratur dan pandangan Prof Khoo ini dilihat secara positif dan mendapat perhatian yang sejawarnya dari semua pihak yang terbabit agar sama-sama berusaha memperkasakan mata pelajaran Sejarah terutamanya dari aspek kaedah pengajaran serta penghayatan di kalangan pelajar.

**Penulis ialah Ketua Bahagian Perancangan Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM)**